

06/05/1998

Pengautomasian jadikan negara lebih berdaya saing

Hizral Tazzif Hisham

KUMPULAN Perundingan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (Might), akan menumpukan kepada proses pengautomasian industri dan robotik yang bertujuan menjadikan industri negara lebih cekap dan kompetitif.

Pengerusi bersama Might, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman berkata rundingan tahunan yang dijadualkan pada 26 Mei ini akan turut menentukan sektor industri tertentu yang paling memerlukan automasi dan robotik.

"Kami akan mengenal pasti industri berkenaan untuk membantu mereka meningkat dan memperluaskan automasi dalam proses pengeluaran," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tahunan Might yang ketiga di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Dr Omar, yang juga Penasihat Sains kepada Perdana Menteri berkata, aktiviti lain untuk tahun ini ialah menyediakan laporan mengenai perumahan berkualiti, industri farmasi dan sistem jalan.

Dalam hubungan lain, beliau berkata Might sudah mengemukakan cadangan kepada kerajaan mengenai kertas biru pelaksanaan industri aeroangkasa.

Selain dari itu, katanya, Might juga sudah mengemukakan lebih daripada 40 sokongan mengenai hasil Dialog Perkongsian Pintar Negara yang diadakan awal bulan lalu.

Dr Omar berkata, kumpulan itu juga akan terbabit dengan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika '98 di Namibia pada Julai ini yang akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dialog Antarabangsa Langkawi tahun ini dibatalkan bagi memberi laluan kepada dialog di Namibia.

(END)